



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA,
PULAU PINANG
Jalan Batu Kawan,
14100 Simpang Empat,
SEBERANG PERAI SELATAN,
PULAU PINANG.

Telefon : 604-5047222
Faks : 604-5047201
Portal Rasmi : www.bomba.gov.my
Emel : bkk_png@bomba.gov.my



Ruj Tuan :

Ruj.Kami : JBPM/PP/BKK:700-1/1/5

Tarikh : 14 JUL 2016

KETUA ZON Z1PP
KETUA ZON Z2PP
KETUA ZON Z3PP
KETUA ZON Z4PP

Tuan,

**GARISPANDUAN PENETAPAN TEMPOH MASA PEMATUHAN NOTIS
PENGUATKUASAAN AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988 (AKTA 341).**

Merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan dan merujuk kepada hasil dari keputusan mesyuarat penolong-penolong pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran Bil.1 Tahun 2016, bersama ini dikepalkan surat dari Ibu Pejabat JBPM/IP/BKK:700-1/1/1 jilid 2 bertarikh 30 Jun 2016 yang dengan jelas menerangkan maksud. Arahan garis panduan ini adalah mulai berkuatkuasa pada 15 Julai 2016 bagi semua Cawangan Penguatkuasaan Bahagian Keselamatan Kebakaran dan Zon-zon Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "


"1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN."

Saya yang menurut perintah,



(KEYA NORDIN BIN SAID)

Penolong Pengarah,
Bahagian Keselamatan dan Kebakaran,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Pulau Pinang.

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO: AR 5037



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO: AR5037



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA.



Telefon: 603-8892 7600
Faks: 603-8892 7977/78
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: bkkibpm.bomba@1govuc.gov.my

Ruj Tuan :
Ruj Kami : JBPM/IP/BKK: 700-1/1/1 Jilid 2 (22)
Tarikh : 30 Jun 2016

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Selangor

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Johor

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Pulau Pinang

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Sabah


YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Sarawak

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Perak

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Kedah

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Pahang

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Sembilan



Tu Raksy
Si eda left door
perai dan kuatlong
tempoh NBSI 5 mudi
15/7/2016

M. Zatulidri :
Buat edaran ke zon
dan pegawai BKK negeri
2016 11/7/16

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Terengganu

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Kelantan

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Melaka

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Negeri Perlis

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Wilayah Persekutuan Labuan

YS Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tuan,

**GARISPANDUAN PENETAPAN TEMPOH MASA PEMATUHAN NOTIS
PENGUATKUASAAN AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988 (AKTA 341)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, merujuk kepada keputusan mesyuarat Penolong Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran Bil 1 Tahun 2016 dan hasil dari maklumbalas yang diterima dari semua penolong-penolong pengarah BKK. Bersama-sama ini dikepilkan garispanduan tersebut untuk rujukan dan tindakan pihak tuan selanjutnya. Sebagaimana yang dimaklumkan, jabatan berharap garispanduan ini akan dapat menjadi rujukan asas kepada semua pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Sekian, terima kasih..

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'1 Malaysia'. Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan.


Saya yang menurut perintah,



(**DATUK RUSMANI BIN MUHAMAD**)
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k YAS Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

drbm/abk

'CEPAT DAN MESRA'





**GARISPANDUAN PENETAPAN
TEMPOH MASA PEMATUHAN
NOTIS PENGUATKUASAAN
AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988
(AKTA 341)**

**BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN
IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Garis panduan Penetapan Tempoh Masa Pematuhan Notis Penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988

1. Pendahuluan

Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A atau B), yang dikeluarkan mengikut Seksyen 8 dan Notis Memberitahu Tentang Keperluan Yang Perlu Di patuhi bagi suatu Perakuan Bomba (Borang FC 6) mengikut Seksyen 29(5), Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341), merupakan notis pemakluman kewujudan bahaya kebakaran di dalam sesuatu premis setelah suatu pemeriksaan dilakukan oleh pegawai yang diberikuasa. Notis ini dikeluarkan bertujuan untuk memmaklumkan kepada penghuni premis terhadap jenis bahaya kebakaran tersebut, lokasi serta tempoh masa yang perlu diambil oleh penghuni dalam mengambil tindakan menghapuskan bahaya tersebut. Penetapan Tempoh masa yang dinyatakan ini bergantung kepada kompleksiti kerja yang hendak dilaksanakan, tahap risiko bahaya kebakaran dan faktor geografi premis. Adalah amat penting penetapan tempoh masa ini dapat ditentukan secara tepat dan praktikal bagi mengelakkan sebarang isu berkaitannya wujud kelak. Pada asasnya setiap Tempoh Masa yang dinyatakan di dalam sesuatu Notis itu TIDAK boleh dilanjutkan setelah tamat tempoh pematuhannya dan Notis yang dikeluarkan TIDAK boleh ditarik balik melainkan atas kuasa dan arahan Mahkamah.

2. Tujuan

- 2.1 Memberi panduan asas kepada pegawai di dalam menetapkan tempoh masa pematuhan notis.
- 2.2 Memberikan suatu tempoh masa pematuhan yang realistik dan praktikal.
- 2.3 Mengelakkan elemen rayuan tempoh masa pematuhan oleh pihak penghuni.

3. Tafsiran

- | | | |
|-----|----------|--|
| 3.1 | Hari | - Bermaksud hari kalender |
| 3.2 | Notis | - Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (Borang A Atau Borang B) dan Borang FC 6 |
| 3.3 | MBK | - Menghapuskan bahaya kebakaran |
| 3.4 | PPN, BKK | - Penolong Pengarah Negeri, Bahagian Keselamatan Kebakaran |
| 3.5 | PKK | - Pepasangan Keselamatan Kebakaran |
| 3.6 | FC | - Perakuan Bomba |
| 3.7 | KZ | - Ketua Zon |
| 3.8 | KB | - Ketua Balai |

4. Pelaksanaan

Dalam menentukan tempoh masa pematuhan notis ini, pendekatan yang perlu dilaksanakan adalah:-

4.1 Tindakan Awal

Selepas selesai membuat pemeriksaan bagi tujuan MBK, Ketua Pegawai Pemeriksa hendaklah mengadakan sesi perbincangan bersama penghuni premis. Tujuan perbincangan ini adalah;

- 4.1.1 Untuk memaklumkan hasil pemeriksaan.
- 4.1.2 Membincangkan tindakan-tindakan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh penghuni.
- 4.1.3 Membincangkan tempoh masa pematuhan pemakluman bahaya kebakaran (jika wujud) yang sesuai.
- 4.1.4 Memaklumkan penghargaan terhadap kerjasama yang diberikan oleh penghuni premis semasa pemeriksaan dijalankan.

4.2 Penetapan Tempoh Masa Pematuhan Notis:

4.2.1 Menilai kesan risiko bahaya kebakaran tersebut.

Kesan dan risiko terhadap sesuatu bahaya kebakaran yang dikenalpasti merupakan elemen terpenting di dalam menilai dan menetapkan tempoh masa sesuatu notis yang akan diberikan. Lebih tinggi risiko yang mungkin wujud lebih cepat bahaya tersebut perlu dihapuskan. Ancaman dan kesan risiko terhadap nyawa samada kepada penghuni, orang awam mahupun anggota bomba perlu diutamakan dan diberi perhatian serius berbanding risiko kepada harta benda dan alam sekitar. Lebih tinggi ancaman kepada nyawa, lebih tinggi risikonya dan perlu lebih cepat ianya dihapuskan.

Contoh:

- i. Ketiadaan jalan pelepasan diri yang mencukupi
- ii. Tangga dan Pintu yang dikunci
- iii. Penyimpanan bahan berbahaya/ mudah terbakar yang terlampau

4.2.2 Menilai Faktor kompleksiti kerja-kerja yang hendak dilaksanakan.

Kompleksiti kerja ini bermaksud tahap kesukaran serta banyak mana kerja-kerja pembaikan atau pemasangan baru itu hendak dilaksanakan. Ianya juga perlu mengambilkira proses-proses yang berkaitan seperti prosedur perolehan dan kelulusan kerja-kerja penyelenggaraan sesuatu premis (kerajaan atau swasta), kewangan,

Contoh :

- i. Kerja-kerja pembaikan lebih mudah dan mengambil masa yang lebih cepat untuk dilaksanakan berbanding dengan kerja-kerja pemasangan baru
- ii. Kerja-kerja pembaikan bagi PKK yang kecil seperti lampu kecemasan, tanda keluar lebih cepat dan mudah berbanding system yang lebih besar seperti sistem gelung hos, sistem pancuran atau semburan.

4.2.3 Menilai Faktor Geografi Premis

Faktor geografi premis juga perlu diambilkira dalam menetapkan sesuatu tempoh masa pematuhan notis yang hendaklah diberikan. Faktor ini berkait rapat dengan kos pengangkutan, masa perjalanan dan kemudahan perhubungan. Semakin jauh penempatan premis dari sumber perolehan bekalan akan menyebabkan bertambah masa untuk mematuhi notis yang dikeluarkan.

Contoh:

- i. Proses untuk mendapatkan bekalan kelengkapan keselamatan kebakaran akan mengambil masa yang lebih lama jika ianya berlaku dikawasan luar bandar atau pedalaman atau jauh dari sumber produk berbanding kawasan kawasan bandar.

4.3 Cadangan Penetapan Tempoh Masa Pematuhan.

Berpandukan kajian dari notis-notis yang dikeluarkan oleh negeri-negeri, adalah agak sukar untuk mendapatkan suatu tempoh masa yang seragam dan standard bagi setiap bahaya kebakaran tersebut. Walaubagaimanapun, dari tempoh masa yang sering digunapakai oleh beberapa negeri, cadangan penetapan seperti jadual dibawah boleh dijadikan sebagai asas panduan dalam menetapkan tempoh masa

tersebut. Tempoh masa ini bukan satu ketetapan yang perlu dipatuhi sepenuhnya.


**PANDUAN ASAS CADANGAN PENETAPAN TEMPOH MASA PEMATUHAN
NOTIS MENGIKUT JENIS KESALAHAN**

BIL	PERINCIAN KETIDAKPATUHAN	PURATA MASA (HARI)	
		Swasta	Kerajaan
1	Akses Perkakas Bomba		
1.1	Membuka parker dan palang besi	7	7-14
2	Pili Bomba/ Pili Bertekanana		
2.1	Kadar pengeluaran air tidak mencukupi	40	40
2.2	Tanda pada pili bomba	15-20	30
2.3	Pam atau/dan komponen yang tidak berfungsi	30-45	45-65
3	Sistem Pancur Basah/ Kering		
3.1	Membaiki pam	30-90	90-180
3.2	Menggantikan komponen yang rosak/ hilang (Nozel/ hos)	30-60	30-90
3.3	Mengadakan system (pemasangan baru)	90-120	90- 360
4	Sistem semburan automatic		
4.1	Membaiki pam	60-90	60-180
4.2	Mengantikan komponen yang rosak/ hilang (Nozel/ hos)	30-60	30-180
4.3	Mengadakan system (pemasangan baru)	120-180	120-360
4.4	Menambah kepala sprinkler	60	60
5	Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik (SPKA)		
5.1	Membaiki kerosakan	25-30	25-30
5.2	Mengadakan system (pemasangan baru)	60-90	60-90
6	Sistem Pengurusan Asap		
6.1	Membaikpulih	100-120	100-120
7	Lampu kecemasan		
7.1	Membaiki kerosakan (ganti bateri dll)	7	7-60
7.2	Mengadakan lampu kecemasan	14-30	30-60
8	Tanda KELUAR		
8.1	Membaiki kerosakan (ganti bateri dll)	7	7-60
8.2	Mengadakan lampu kecemasan	14-30	30-60
9	Pintu Api		
9.1	Membaiki kerosakan (door close/ door knob)	14-30	14-60
9.2	Mengadakan Pintu Api (pasang baru/ pasang semula)	14-90	14-120
10	Sistem Gelong Hos		
10.1	Membaiki pam	14-60	90-180
10.2	Menggantikan komponen yang rosak/ hilang (Nozel/ hos)	14-60	30-90
10.3	Mengadakan system (pemasangan baru)	60-120	90- 360

11		Sistem Siaraya/ Intercom/ Telefon Bomba		
	11.1	Membaikpulihan	30-75	30 - 75
12		Alarm Panel		
	12.1	Membaikpulihan MAP	45-60	45-120
	12.2	Membaiki Bateri Panel	14-30	30-120
	12.3	Membaiki Sub-Panel	14-60	30-120
13		Sistem CO2/ Clean Agent		
	13.1	Membaikpulihan Warning Light	14-60	14-60
	13.2	Membaiki kerosakan system	14-60	14-120
14		Lif Bomba		
	14.1	Membaiki Lif Bomba	90-120	90-180
15		Generator Set		
	15.1	Tangki simpanan minyak Diesel	30-60	30-120
	15.2	Membaiki kerosakan	30-120	30-180
	15.3	Mengadakan Generator Set	150-210	150-360
16		Fire Roller Shutter		
	16.1	Memastikan berfungsi dengan baik	30-60	30-120
	16.2	Memasang baru	60-90	60-180
17		Sistem Pecah Kaca		
	17.1	Membaikpulihan	30-45	30-360
	17.2	Pemasangan baru	60-90	30-360
18		Alat Pengesan Haba (Asap/ Haba)		
	18.1	Membaiki	30-45	30-360
	18.2	Memasang baru	60-90	30-360
19		Suis Pengasing Elektrik dan Fireman Switch		
	19.1	Membaik kerosakan	60-90	30-360
20		Fire seal	14-30	14 - 45
21		Dinding Pemisah	110-120	110-360
22		Mimic Diagram	7-14	21-30
23		Papan Tanda	7-14	21-30

5 Pemakaian

Tatacara ini hanyalah merupakan satu panduan asas di dalam membantu PPN,BKK atau KZ atau KB untuk menetapkan sesuatu tempoh masa pematuhan notis. Walau apa pun, pertimbangan dan kebijaksanaan pegawai sangat penting agar setiap keputusan yang dibuat tidak akan membebankan semua pihak. Konsep **"MENANG-MENANG "** hendaklah diamalkan dengan mengutamakan kredibiliti keperluan penguatkuasaan Akta terutama berkaitan ancaman bahaya kebakaran yang melibatkan keselamatan nyawa.


 (DATO RUSMANI BIN MUHAMMAD)
 Penolong Ketua Pengarah
 Bahagian Keselamatan Kebakaran
 Tarikh : 30 Jun 2016